

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



KEPERLUAN MODUL PEMBELAJARAN SOSIAL DAN
EMOSIONAL: SATU ANALISIS LITERATUR SISTEMATIK

*THE NEEDS OF SOCIAL AND EMOTIONAL LEARNING MODULE: A
SYSTEMATIC LITERATURE ANALYSIS*

Mahathir Muhammad^{1*}, Aznan Che Ahmad²

¹ Universiti Sains Malaysia
Email: mahathir@student.usm.my

² Universiti Sains Malaysia
Email: aznan@usm.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 20.09.2021

Revised date: 02.10.2021

Accepted date: 17.11.2021

Published date: 01.12.2021

To cite this document:

Muhammad, M., & Che Ahmad, A. (2021). Keperluan Modul Pembelajaran Sosial Dan Emosional: Satu Analisis Literatur Sistematis. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (44), 52-67.

DOI: 10.35631/IJEPC.644005

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pembelajaran sosial dan emosi dalam dunia pendidikan adalah sangat penting dalam pembangunan modal insan. Seseorang yang dilengkapi dengan kemahiran sosial emosional yang tinggi mampu mengurus cabaran hidup seharian, membina hubungan positif dan juga berkeupayaan membuat keputusan yang rasional. Justeru itu, kemahiran-kemahiran ini boleh dipelajari di sekolah sedari awal peringkat prasekolah sehinggalah ke peringkat universiti. Bagi mencapai hasrat pembelajaran sosial dan emosional di sekolah maka suatu modul pengajaran dan pembelajaran amat diperlukan. Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan meninjau dan menilai keperluan modul tersebut berdasarkan perspektif guru dan penggunaan modul sedia ada seperti modul PATHS dan *Second Step*. Sumber pencarian artikel yang diperolehi adalah secara atas talian daripada pengkalan data Google Scholar, Elsevier, MyCite, dan ERIC manakala data yang terkumpul dianalisis secara tematik. Dapatan kajian mendapati modul pembelajaran sosial dan emosi amat diperlukan dari segi peningkatan kompetensi sosial dan emosi murid, peningkatan akademik, perubahan tingkah laku bermasalah, dan sumber rujukan pengajaran. Kajian lanjutan yang boleh dijalankan bagi analisis literatur sistematik ini adalah dengan memberi tumpuan terhadap kaedah kualitatif, responden kajian boleh diperluaskan kepada pentadbir sekolah dan ibu bapa, dan modul-modul selain yang dinyatakan dalam kajian ini.

Kata Kunci:

Modul, Pembelajaran Sosial dan Emosional, Guru, PATHS, *Second Step*

Abstract:

Social and emotional learning in world education are very important in human capital development. A person equipped with high social and emotional skills are able to manage daily life challenge, building positive relationship and capable to make rational decisions. Therefore, all these skills can be taught as early as preschool level to tertiary education. In order to achieve social and emotional learning in school, a teaching and learning modules are most needed. Thus, this study aims to investigate and examine the needs of modules based on teacher perspectives and the use of existing module such as PATHS and Second Step. The source for the articles obtained are available online from the Google Scholar, Elsevier, MyCite, and ERIC and the collected data were analyzed thematically. This study found that the social and emotional learning modules were needed to increase pupils' social and emotional competency, academic improving, problematic behavior changing and as learning instruction resources. Future studies in systematic literature analysis can be conducted by focusing in qualitative method, school administration and parents as respondents and others social and emotional learning modules mentioned in this study.

Keywords:

Module, Social and Emotional Learning, Teacher, PATHS, Second Step

Pengenalan

The Collaborative for Academic, Social, and Emotional Learning (CASEL) yang ditubuhkan pada tahun 1994, merupakan suatu organisasi bukan berasaskan keuntungan yang berpangkalan di Universiti Illinois, Chicago adalah yang pertama memperkenalkan terma pembelajaran sosial dan emosi. Menurut CASEL (2015), pembelajaran sosial dan emosi didefinisikan sebagai bahagian penting dalam pendidikan dan pembangunan manusia. Di samping itu juga, pembelajaran sosial dan emosional merupakan suatu proses pemerolehan dan penerapan pengetahuan, kemahiran, dan sikap dalam mengembangkan identiti yang sihat, mengurus emosi, mencapai tujuan peribadi dan kolektif, menunjukkan empati terhadap orang lain, menjalin dan mengekalkan hubungan positif, dan membuat keputusan yang bertanggungjawab dan prihatin.

Sehubungan dengan itu, CASEL (2020) telah membina suatu kerangka kerja pembelajaran sosial dan emosional berasaskan kepada lima teras kompetensi iaitu *self-awareness* (kesedaran sendiri), *self-management* (pengurusan sendiri), *social awareness* (kesedaran sosial), *relationship skills* (kemahiran perhubungan), dan *responsible decision-making* (membuat keputusan bertanggungjawab).

Bertitik tolak daripada kajian tersebut, pada tahun 1997 CASEL dan *Association for Supervision and Curriculum Development* (ASCD) telah bekerjasama menerbitkan buku iaitu *Promoting Social and Emotional Learning: Guidelines for Educators* yang mengandungi strategi praktikal untuk guru untuk membina program pembelajaran sosial dan emosi yang komprehensif dan teratur daripada peringkat prasekolah sehingga gred 12 (CASEL, 2020).

Setelah hampir dua dekad melalui pelbagai kajian dan inisiatif, CASEL dan juga pihak yang berkolaboratif telah melakukan penambahbaikan dalam bidang pembelajaran sosial dan emosi melalui dapatan program kajian berasaskan bukti yang diperolehi melalui guru dan penyelidik

dalam bidang berkaitan. Justeru, pada tahun 2015 CASEL telah menerbitkan *Handbook of Social and Emotional Learning: Research and Practice* (CASEL, 2020) yang mengumpulkan pelbagai bahan berkaitan pembelajaran sosial dan emosi melalui sumbangan hampir 100 orang guru dan penyelidik.

Walaupun bagaimanapun, konteks pendidikan di Malaysia tidak menerapkan pembelajaran sosial dan emosional secara menyeluruh untuk dijadikan suatu subjek atau matapelajaran dalam kurikulum pendidikan Malaysia. Namun begitu, elemen pembelajaran sosial dan emosi wujud di dalam beberapa subjek seperti Pendidikan Kesihatan bagi aliran perdana manakala aliran pendidikan khas melalui Bidang Pengurusan Kehidupan. Tambahan pula, sasaran utama pembelajaran sosial dan emosi ialah membantu murid-murid membina sikap, tingkah laku, dan kognitif untuk menjadi lebih sihat dan kompeten secara keseluruhannya dari segi sosial, emosi, akademik dan fizikal (Elias et al., 1997). Oleh hal yang demikian, cabaran utama yang dihadapi oleh para guru ialah bagaimana untuk melaksanakan satu set kaedah yang berkesan untuk menjayakan pembelajaran sosial dan emosi di sekolah.

Sorotan Literatur

Kajian yang dijalankan oleh Esen-Aygun dan Sahin-Taskia (2017), mendapati majoriti guru tidak mengetahui konsep pembelajaran sosial dan emosi sebelum ini tetapi guru yang tahu konsep pembelajaran sosial dan emosi pula tidak mempunyai informasi yang cukup berkenaan pembelajaran sosial dan emosi. Justeru, guru hanya menjalankan aktiviti pembelajaran menggunakan kaedah sendiri dalam meningkatkan kemahiran sosial dan emosi murid dalam bilik darjah.

Oleh itu, terdapat keperluan suatu modul bagi menyampaikan pembelajaran sosial dan emosional untuk guru dalam pengajaran dan pembelajaran secara berkesan dalam bilik darjah. Terdapat beberapa modul yang digunakan dalam pembelajaran sosial dan emosional seperti *Second Step*, PATHS (*Promoting Alternative Thinking Strategies*) dan lain-lain.

Second Step merupakan satu program yang bermula seawal pra tadika hingga gred 8 yang direka bentuk bagi membantu murid-murid mengembangkan kemahiran dalam menguruskan emosi, dan tingkah laku mereka serta mengurangkan keganasan dan sikap agresif (Elias et al., 2019). *Second Step* terbahagi kepada empat modul utama iaitu Kemahiran untuk Pembelajaran, Empati, Pengurusan Emosi, dan Penyelesaian Masalah (*Second Step*, 2017). Setiap tahap gred mempunyai set kurikulum yang berasingan bagi menggalakkan perkembangan yang bersesuaian dalam setiap kumpulan umur. Dalam modul ini juga disediakan pelbagai bahan pengajaran untuk guru bagi membantu menyediakan pembelajaran yang interaktif dan menarik. Kajian yang dijalankan oleh Edwards, Hunt, Meyers, Grogg, dan Jarrett (2005), mendapati murid-murid dalam gred 4 dan gred 5 menunjukkan peningkatan dalam beberapa bidang utama iaitu pengurusan kemarahan, kawalan impuls, dan empati.

Promoting Alternative Thinking Strategies (PATHS) lebih memfokuskan kepada mengurangkan masalah tingkah laku dan memperkenalkan kemahiran sosial dan emosional dalam bilik darjah untuk murid-murid gred K-6 (Elias et al., 2019). Walaupun begitu, PATHS pada asalnya dibangunkan untuk murid-murid pekak tetapi sasaran utama PATHS juga adalah untuk mengajar semua murid peringkat rendah dalam literasi emosional, kawalan diri, dan kompetensi sosial (Greenberg et al., 1995). Modul PATHS merangkumi lima domain utama dalam pembangunan sosial dan emosional iaitu kawalan diri, kefahaman emosional, *self-esteem* yang positif, perhubungan, dan penyelesaian masalah interpersonal melalui

pembelajaran berturutan. Model yang diguna pakai oleh PATHS adalah berdasarkan ABCD (*affective-behavioral-cognitive-dynamic*) yang memfokuskan integrasi aktif proses afektif dan kognitif yang berkait kepada kompetensi sosial dan emosional (Greenberg & Kusché, 1993). Kajian yang dijalankan oleh Crean dan Johnson (2013) mendapati murid-murid yang didedahkan dengan modul PATHS (kumpulan rawatan) mempamerkan tingkah laku yang kurang agresif dan kurang menunjukkan tingkah laku yang bermasalah berbanding murid dalam kumpulan kawalan.

Metodologi Kajian


Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik yang mempunyai ciri-ciri yang teliti, telus, dan diolah semula (Siddaway, Wood & Hedges, 2018). Justifikasi penggunaan kaedah ini adalah kerana ianya sangat sesuai dan relevan bagi menilai secara sistematik keseluruhan kajian keperluan modul pembelajaran sosial dan emosional seterusnya menjelaskan gap atau jurang kajian dari satu sudut. Di samping itu juga, proses tinjauan literatur sistematik mempunyai nilai disiplin dan fokus yang tinggi dalam membentangkan ulasan yang nyata dan mudah dicerna (Siddaway, Wood & Hedges, 2018).

Kaedah pengaplikasian carian adalah untuk mengenal pasti instrumen yang berorientasikan pembelajaran sosial dan emosi dalam sistem pendidikan di sekolah. Carian terhadap instrumen difokuskan kepada modul pengajaran, pembelajaran sosial dan emosional, aplikasi pembelajaran sosial dan emosi, tahap pengetahuan dan kemahiran guru, dan keperluan modul pembelajaran sosial dan emosional.

Pencarian dilakukan dengan menggunakan terma yang spesifik iaitu penggunaan Bahasa Melayu iaitu “modul pengajaran”, “pembelajaran sosial dan emosional”, “pengetahuan guru”, “PATHS”, “modul pembelajaran sosial dan emosional”, dan “*Second Step*”. Manakala terma yang digunakan dalam Bahasa Inggeris pula ialah “learning module”, “social and emotional learning”, “teacher knowledge”, “PATHS”, “social and emotional learning module” dan “*Second Step*”. Pengkalan data yang digunakan dalam carian ialah Elsevier, MyCite, ERIC, dan pengkalan web data daripada universiti awam seluruh Malaysia. Kajian ini menasarkankan jawapan bagi persoalan kajian seperti berikut:

- a) Menganalisis keperluan modul pembelajaran sosial dan emosi dalam pendidikan dari segi perspektif guru dan aplikasi modul dan kurikulum yang berkaitan.

Setiap carian kajian lepas telah dikumpulkan melalui satu istilah iaitu pembelajaran sosial dan emosi yang kemudiannya dipecahkan kepada dua iaitu pecahan pertama kajian berkaitan guru dan pecahan kedua kajian berkaitan modul. Oleh hal yang demikian, kajian-kajian selain daripada subjek yang berkenaan dikeluarkan daripada sistem literatur sistematik seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1. Carta Alir Carian Sistematis

Sumber: (Adaptasi daripada Moher D, Liberati A, Tetzlaff J, Altman DG, The PRISMA Group (2009))

Dapatan

Bagi menganalisis kajian ini secara sistematik, 17 tinjauan literatur telah dikenal pasti sebagai indikator penting bagi menghasilkan jurang kajian keperluan pembelajaran sosial dan emosi dari segi perspektif guru dan juga pengaplikasian modul atau kurikulum dalam sistem pendidikan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Kajian Sorotan Literatur

Perkara	Kajian	Gaps/Perbincangan	Latar Belakang	Kaedah	Dapatan
Guru	1. Buchanan et al (2009)	Kajian ini cuba untuk menilai pengetahuan, persepsi, dan amalan guru mengenai pembelajaran sosial dan emosi (SEL) di dalam kelas	Kaedah tinjauan amalan, persepsi dan pengetahuan guru terhadap pembelajaran sosial dan emosi dalam bilik darjah	Kuantitatif	<p>Pengetahuan pembelajaran sosial dan emosi: 69.3% guru tahu. 23.5% guru tidak tahu. 6.4% guru tidak pernah mendengar terma tersebut.</p> <p>Meningkatkan prestasi akademik 96.2% guru bersetuju. 0.4% guru tidak bersetuju. 3.0% guru tidak tahu.</p> <p>Pembelajaran sosial dan emosi perlu diajar didalam kelas 68.9% guru bersetuju. 4.2% guru tidak bersetuju. 24.2% guru tidak tahu.</p>
	2. Esen-Aygun, A. & Sahin-Taskia, C. (2017)	Kajian ini cuba memahami pandangan guru sekolah rendah terhadap program pembelajaran sosial-emosi di Turki	Pandangan guru berkenaan kemahiran sosial dan emosional serta perspektif mereka terhadap program pembelajaran sosial dan emosi	Kaedah kualitatif Soalan temubual separuh berstruktur	Majoriti guru tidak mengetahui konsep pembelajaran sosial dan emosi sebelum ini. Guru yang tahu konsep pembelajaran sosial dan emosi tidak mempunyai informasi yang cukup berkenaan pembelajaran sosial dan emosi. Guru menjalankan aktiviti pembelajaran menggunakan kaedah sendiri

Jadual 1 Sambungan

Perkara	Kajian	Gaps/perbincangan	Latar belakang	Kaedah	Dapatan
Guru	3. Ee, J. & Cheng, Q. L. (2013)	Penyerapan pembelajaran sosial dan emosi dalam subjek akademik murid	Persepsi guru terhadap pembelajaran sosial dan emosional murid dan penerapannya kepada pembelajaran sosial dan emosional	Kaedah kualitatif Soalan Temubual	<p>Faedah pembelajaran sosial dan emosi dalam kurikulum</p> <p>56% guru menyatakan pembelajaran sosial dan emosi memberikan pendidikan holistik kepada murid-murid. 38% guru merasakan pembelajaran sosial dan emosi menyediakan suatu kerangka kerja pengajaran kompetensi sosial dan emosi murid.</p> <p>Pengetahuan kompetensi murid</p> <p>56% guru menyatakan murid yang mempunyai kompetensi sosial dan emosi tinggi mampu mengurus diri sendiri. 38% guru menyatakan murid yang bertanggungjawab membuat keputusan biasanya berfikir dua kali sebelum membuat keputusan. 6% guru menyatakan pengurusan sendiri merupakan ciri terpenting dalam kompetensi sosial emosi murid.</p>
Guru	4. DeSimoni dan Crouch (2017)	Untuk mengkaji potensi hubungan antara perasaan guru tentang kurikulum pembelajaran sosial-emosi dan seberapa kerap pelajar terlibat dalam konflik di dalam kelas.	Satu kajian tinjauan bagi melihat hubungan antara pengetahuan pembelajaran sosial dan emosional guru dan konflik murid	Kuantitatif Borang soal selidik (Brackett, Reyes, Rivers, Elbertson, & Salovey, 2012)	<p>Persepsi Guru</p> <p>Semakin tinggi komitmen guru terhadap pembelajaran sosial dan emosi, semakin tinggi konflik verbal guru didalam kelas. Semakin tinggi komitmen guru terhadap pembelajaran sosial dan emosi, semakin tinggi keperluan intervensi konflik didalam kelas. Guru yang komited terhadap pembelajaran sosial dan emosi lebih peka terhadap konflik yang berlaku didalam kelas.</p>

Jadual 1 Sambungan

Perkara	Kajian	Gaps/perbincangan	Latar belakang	Kaedah	Dapatan
Guru	5. Ignat et al (2011)	Untuk meninjau persepsi guru mengenai pendidikan emosi, untuk mengenal pasti keperluan latihan khusus dalam pendidikan emosi dan untuk mengetahui perkembangan pendidikan emosi di sekolah	Kajian berkenaan penilaian keperluan Latihan guru dalam pendidikan emosional	Kaedah kuantitatif Borang soal selidik	<p>Persepsi guru</p> <p>46.6% guru bersetuju sekolah sepatutnya terlibat secara menyeluruh dalam program pendidikan emosional</p> <p>22.1% guru menyatakan program pendidikan emosional boleh dibangunkan untuk gred yang spesifik</p> <p>10.6% guru menyatakan program pendidikan emosional dilakukan pada tahap pendidikan spesifik</p> <p>15.4% guru menyatakan program pendidikan emosional dilakukan pada tahap pendidikan yang berlainan</p> <p>Pelaksanaan pendidikan emosional</p> <p>26.9% guru berpendapat pendidikan emosional diintegrasikan dengan subjek tertentu.</p> <p>22.1% guru menyatakan pendidikan emosional sebagai kurikulum pilihan.</p> <p>20.2% guru menyatakan pendidikan emosional sebagai aktiviti integrasi.</p> <p>19.2% guru menyatakan pendidikan emosional diintegrasikan dalam kurikulum wajib.</p> <p>8.2% guru mahukan pendidikan emosional sebagai aktiviti pelbagai disiplin.</p>

Jadual 1 Sambungan

Perkara	Kajian	Gaps/perbincangan	Latar belakang	Kaedah	Dapatan
Guru	6. Martinez (2016)	Kajian bagi mengenal pasti syarat-syarat yang menyokong pengembangan dan pelaksanaan program dan amalan pembelajaran sosial emosi guru	Kajian adalah berkenaan pandangan guru dalam pembelajaran sosial dan emosional bagi mengenal pasti syarat-syarat yang membolehkan ia dilaksanakan	Kaedah kualitatif Kajian Tindakan Model Lewin (1946) Temubual Berkumpulan (Morgan, 2012), Open Coding Analysis (Corbin & Strauss, 2015)	<p>Sesi kerja</p> <p>Guru mengenal pasti kemahiran utama yang perlu ada pada murid untuk memasuki kolej ialah kerja berkumpulan, bersikap tegas, bermaklumat, penyelesaian masalah, dan berdikari.</p> <p>Tahap organisasi</p> <p>Guru mengenalpasti kekurangan masa dan perkongsian jangkaan tingkah laku dalam kelas dan sekolah yang menghalang perkembangan kemahiran sosial dan emosi murid.</p> <p>Tahap kurikulum</p>

Keutamaan amalan pengajaran disekolah lebih kepada penguasaan standard akademik murid-murid berbanding kemahiran sosial dan emosi.

Murid-murid menunjukkan tahap tingkah laku prososial, kepatuhan, kemahiran penyelesaian masalah dan perasaan positif yang tinggi.

Modul PATHS	7. Seyhan et al (2017)	Untuk mengkaji kesan Program Prasekolah PATHS terhadap hasil kompetensi sosial-emosi kanak-kanak dan hubungan yang dirasakan antara guru dan kanak-kanak	Kajian ini berkenaan kesan program prasekolah modul PATHS dalam hubungan kompetensi sosial guru-murid di Turki	Kaedah kuantitatif <i>Classroom Atmosphere Rating Scale (CARS)</i> <i>The Teaching Style Rating Scale (TSRS)</i> <i>Student-Teacher Relationship Scale (STRS)</i>
-------------	------------------------	--	--	--

Jadual 1 Sambungan

Perkara	Kajian	Gaps/perbincangan	Latar belakang	Kaedah	Dapatan
Modul PATHS	8. Kam, Greenberg dan Kusché (2004)	Untuk mengkaji keberkesanan jangka panjang kurikulum PATHS mengenai penyesuaian kanak-kanak sekolah dengan keperluan khas.	Kajian berkenaan kesan berterusan kurikulum PATHS terhadap penyesuaian sosial dan psikologi kanak-kanak dalam pendidikan khas	Kaedah kuantitatif dan kualitatif <i>Kushé Affective Interview</i> <i>CBCL-TRF (The Child Behavior Checklist and Child Behavior Profile)</i> <i>TCRS (Teacher – Child Rating Scales)</i>	Intervensi yang dilakukan selama 3 tahun menunjukkan penurunan laporan tingkah laku dalaman dan luaran murid setelah 2 tahun pelaksanaan intervensi serta penurunan berterusan simptom depresi dalam kalangan murid.
	9. Arda (2012)	Untuk menilai kesan PATHS - Kurikulum Prasekolah terhadap Kemahiran Sosial Kanak-kanak Prasekolah.	Kajian ini berkenaan kompetensi sosial dan memperkenalkan PATHS dalam kurikulum prasekolah	Kaedah kuantitatif <i>Kusché Emotional Inventory</i> <i>Head Start Competence Scale-Teacher Version,</i> <i>Teaching Style Rating Scale</i> <i>Classroom Atmosphere Rating Scale</i>	Intervensi terhadap murid pra sekolah menunjukkan tahap peningkatan dalam kerjasama, penyelesaian masalah, kepatuhan dan mengekspresi perasaan. Kurikulum PATHS merupakan program efektif dalam meningkatkan kompetensi sosial dan emosi murid.

Jadual 1 Sambungan

Perkara	Kajian	Gaps/perbincangan	Latar belakang	Kaedah	Dapatan
Modul PATHS	10. Fishbein et al (2016)	Untuk menentukan kesan proksimal intervensi berasaskan sekolah universal (Kurikulum PATHS) terhadap hasil sosial, emosi, hubungan, dan kognitif pada kanak-kanak tadika miskin bandar.	Kajian ini cuba melihat kesan intervensi jangka pendek kurikulum PATHS pada golongan keluarga kanak-kanak berpendapatan rendah	Kaedah kuantitatif <i>Student-Teacher Relationship Scale</i>	Murid-murid yang menerima program PATHS menunjukkan peningkatan signifikan dalam kompetensi sosial dan emosi serta masalah tingkah laku.
	11. Greenberg, Kusché, Cook, dan Quamma (1995)	Untuk mengkaji keberkesanan kurikulum PATHS terhadap perkembangan emosi kanak-kanak sekolah	Model Intervensi pencegahan PATHS direka bentuk untuk meningkatkan keupayaan kanak-kanak dan membincangkan kefahaman serta konsep emosi	Kaedah kuantitatif <i>Wechsler Intelligence Scale for Children (WISC-R)</i>	Kajian menunjukkan intervensi adalah berkesan kepada kedua-dua murid berisiko rendah dan tinggi (MBK) dalam memperbaiki keupayaan perbualan dalam membincangkan pengalaman emosional, kepercayaan pengurusan emosi dan pemahaman dalam perkembangan emosi diri.
Modul <i>Second Step</i>	12. Grossman et al (1997)	Untuk menentukan apakah kurikulum pencegahan keganasan yang biasa digunakan, <i>Second Step: Kurikulum Pencegahan Kekerasan</i> , menyebabkan penurunan tingkah laku agresif dan peningkatan tingkah laku prososial di kalangan pelajar sekolah rendah.	Satu kajian percubaan terkawal secara rawak berkenaan keberkesanan kurikulum pencegahan keganasan dalam kalangan murid sekolah menengah.	Kaedah kuantitatif <i>Achenbach Child Behavior Checklist (CBCL) Teacher Report Form (TRF) School Social Behavior Scale (SSBS) Parent-Child Rating Scale (P-CRS)</i>	Program Pencegahan Keganasan Kurikulum <i>Second Step</i> menunjukkan penurunan tingkah laku agresif fizikal yang sederhana dan peningkatan tingkah laku berkecuali dan prososial di sekolah.

Jadual 1 Sambungan

Perkara	Kajian	Gaps/perbincangan	Latar belakang	Kaedah	Dapatan
Modul <i>Second Step</i>	13. Sullivan et al., (2015)	Untuk menilai kesan modul <i>Second Step</i> terhadap keganasan, kemangsaan, dan emosi	Satu kajian penilaian modul <i>Second Step</i> dan faedah terhadap remaja yang upaya dan tidak berkeupayaan.	Kaedah kuantitatif RCT <i>Problem Behavior Frequency Scales-Student Form (PBFS-S)</i>	Laporan guru menyatakan terdapat penurunan pemangsaan yang ketara antara murid pendidikan khas dalam kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan.

- | | | | | |
|---|--|---|--|--|
| 14. Low, Smolkowski, and Buntain (2015) | Untuk menjalankan ujian terkawal secara rawak yang menyiasat kesan <i>Second Step</i> ® terhadap hasil tingkah laku sosial | Satu kajian bagi memperkenalkan kompetensi sosial dan emosional. Penilaian berkisar kepada versi <i>Second Step</i> sekolah menengah. | <p><i>PBFS-Teacher Form Emotion Regulation Checklist (ERC)</i></p> <p><i>Devereux Student Strengths Assessment—Second Step</i>® Edition (<i>DESSA-SSE</i>)</p> <p><i>Strengths Difficulties Questionnaire (SDQ)</i></p> <p><i>Behavioral Observation of Students in Schools (BOSS)</i></p> | <p>Manakala terdapat penurunan sikap agresif yang ketara dalam kalangan murid aliran perdana.</p> <p>Modul <i>Second Step</i> dapat meningkatkan nilai empati dan isu rakan sebaya di sekolah dengan nilai tambah seperti optimistik, keyakinan, penggalakkan kejayaan dan persekitaran sekolah.</p> |
|---|--|---|--|--|

Jadual 1 Sambungan

Perkara	Kajian	Gaps/perbincangan	Latar belakang	Kaedah	Dapatan
Modul <i>Second Step</i>	15. Top, Liew and Luo (2016)	Untuk meninjau kesan <i>Second Step</i> terhadap masalah tingkah laku dan tingkah laku prososial yang diperhatikan untuk murid gred 5 dan gred 8	Kajian ini adalah untuk meninjau kesan kurikulum Second step terhadap hasil tingkah laku dan pencapaian akademik murid- murid gred 5 dan 8 berdasarkan kajian tinjauan pembangunan karektor.	Kaedah kuantitatif <i>Prosocial Behavior Rating System (PBRBS) Discipline Point System (DPS) Grade Point Averages (GPA)</i>	Murid dalam kumpulan rawatan (Kurikulum Second Step) memperoleh markah yang tinggi di sekolah dan pengurangan masalah tingkah laku berbanding murid dalam kumpulan kawalan namun tidak mempunyai kesan yang signifikan terhadap tingkah laku prososial.
	16. Machado (2017)	Untuk mengukur kesan kurikulum emosi sosial terhadap pelajar kurang upaya dan untuk mengkaji hubungan antara masa dalam persekitaran yang paling terhad (LRE) dan kemahiran sosial pelajar pendidikan khas	Kajian ini bertujuan melihat kesan modul <i>Second Step</i> dan penginklufian terhadap kemahiran sosial murid-murid pendidikan khas	Kaedah kuantitatif <i>The Skills Survey- Teacher The Skills Survey- Student The Social Validity-Teacher</i>	Perkembangan kemahiran sosial dalam kalangan murid pendidikan khas adalah sangat terhad. Data daripada interaksi sosial menunjukkan kesan yang sangat sedikit. Murid yang berada dalam persekitaran kelas biasa mengalami perkembangan kemahiran sosial lebih tinggi berbanding dalam kelas persekitaran paling terhad (LRE).
	17. Dewald, Ternes, and Wald (2019)	Untuk mengkaji kesan kaedah pelaksanaan <i>Second Step</i> terhadap kemahiran pengurusan emosi pelajar.	Kajian ini cuba melihat impak perlaksanaan <i>Second Step</i> terhadap kemahiran sosial dan emosional murid sekolah menengah dalam suasana sekolah	Kaedah kuantitatif <i>K-5 Second Step Lesson Observation Form The Observable Behavior Tally Form Interview format using an interview template</i>	Murid-murid memahami secara tepat kemahiran pembelajaran sosial dan emosi tetapi tidak mengimplementasikan kemahiran pengurusan secara konsisten. Dapatan kajian juga menunjukkan kaedah pengajaran secara <i>peer-to-peer</i> disyorkan untuk memperkuatkan pengajaran kemahiran pengurusan emosi dan kesedaran sendiri murid.

Perbincangan

Merujuk kepada Jadual 1 sorotan literatur sistematik yang dilakukan, sejumlah 20 kajian berkaitan keperluan modul pembelajaran sosial dan emosi. Terdapat 8 kajian yang membincangkan keperluan modul pembelajaran sosial dan emosi dari prespektif guru, 6 kajian pula merujuk kepada pengaplikasian modul PATHS manakala 6 kajian lagi membincangkan aplikasi modul *Second Step* dalam sistem pendidikan. Huraian sorotan literatur sistematik ini dibahagikan kepada tiga aspek iaitu guru, Modul PATHS, dan Modul *Second Step*. Rasional pemilihan modul PATHS dan *Second Step* dalam kajian sorotan literatur sistematik adalah kerana kedua-dua modul ini digunakan secara meluas di beberapa buah negara maju dan terbukti keberkesanannya melalui hasil dapatan kajian secara empirikal (Karisa et al., 2013). Namun, kedua-dua modul atau kurikulum PATHS dan *Second Step* ini tidak dilaksanakan di Malaysia kerana tiada kajian terperinci dijalankan berkenaan keperluan pembelajaran sosial

dan emosi dalam sistem pendidikan negara. Walaubagaimanapun, terdapat elemen-elemen pembelajaran sosial dan emosi yang wujud dalam kurikulum pendidikan negara seperti pendidikan kesihatan bagi aliran perdana dan bidang pengurusan kehidupan bagi aliran pendidikan khas integrasi. Oleh hal yang demikian, guru merupakan individu penting yang berperanan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam menyampaikan ilmu. Tetapi, terdapat persoalan sejauh manakah tahap pengetahuan, persepsi dan pelaksanaan guru terhadap pembelajaran sosial dan emosional ini. Kajian yang dijalankan oleh Buchanan et al. (2009) jelas menunjukkan bahawa lebih separuh guru iaitu 69.3% mempunyai pengetahuan berkenaan pembelajaran sosial dan emosi dan sejumlah 96.2% guru mempunyai persepsi bahawa prestasi murid boleh meningkat kerana pembelajaran sosial dan emosi adalah saling berkaitan dengan pembelajaran akademik di sekolah.

Namun begitu, terdapat juga guru yang kurang memahami konsep dan pengetahuan berkenaan pembelajaran sosial dan emosional ini. Perkara ini dapat dilihat melalui kajian yang dijalankan oleh Esen-Aygun dan Sahin-Taskia (2017). Beliau mendapati majoriti guru sekolah rendah di Turki tidak mengetahui konsep pembelajaran sosial dan emosional sebelum ini. Ini menunjukkan tahap pengetahuan guru tersebut adalah sangat rendah. Di samping itu juga, dapatan kajian menunjukkan guru yang tahu konsep pembelajaran sosial dan emosional tidak mempunyai informasi yang cukup berkenaan pembelajaran sosial dan emosional ini. Perkara berkemungkinan berlaku disebabkan guru kurang didedahkan dengan kepentingan dan kaedah pengajaran yang sesuai terhadap murid-murid.

Mutakhir pendidikan hari ini menekankan pendidikan abad ke 21 yang mencakupi pendidikan antara lainnya adalah pendidikan holistik. Pendidikan holistik didefinisikan sebagai pendekatan yang berasaskan idea bahawa kanak-kanak perlu diajar dengan cara yang lebih menarik dan menyeronokkan bagi memudahkan mereka memahami apa yang dipelajari (Edu review, 2020). Oleh yang demikian, kajian Ee dan Cheng (2016) mendapati 56% guru menyatakan pembelajaran sosial dan emosi mampu memberikan pendidikan holistik kepada murid-murid dalam kelas. Di samping itu juga, pembelajaran yang menyeronokkan dapat membentuk tingkah laku yang positif dalam kelas. Pembentukan tingkah laku yang positif boleh dilaksanakan melalui aktiviti pembelajaran yang terkandung dalam silibus kurikulum pendidikan.

Di luar negara, pembelajaran sosial dan emosional diajar berdasarkan kandungan kurikulum yang digubal. Sebagai contoh penggunaan modul atau kurikulum PATHS dan modul *Second Step*. Kedua-dua modul ini berteraskan pembelajaran sosial dan emosional yang mempunyai pendekatan objektif yang berbeza-beza. Sebagai contoh kajian Kam, Greenberg, dan Kusche (2004) terhadap intervensi tingkah laku dalaman dan depresi murid pendidikan khas dengan menggunakan modul PATHS. Hasil kajian yang dilakukan selama tiga tahun mendapati berlaku penurunan tingkah laku dalaman dan penurunan berterusan depresi dalam kalangan murid pendidikan khas.

Selain daripada meningkatkan kompetensi akademik, kompetensi sosial dan emosional juga adalah penting bagi pembentukan sahsiah murid. Oleh hal yang demikian, Seyhan et al. (2017) telah membuat penilaian kesan modul PATHS terhadap keberhasilan kompetensi sosial dan emosional murid pra sekolah dan hubungannya dengan guru. Daripada kajian tersebut, murid-murid pra sekolah telah menunjukkan tahap tingkah laku prososial, kepatuhan kemahiran penyelesaian masalah dan perasaan positif yang tinggi.

Bagaimanapun, terdapat satu budaya yang biasa berlaku di sekolah iaitu budaya membuli. Perbuatan buli merupakan satu perlakuan yang boleh mendatangkan kesakitan dari segi mental dan fizikal seseorang. Buli boleh berlaku melalui tiga jenis keadaan iaitu percakapan, sosial, dan fizikal. Bagi mengatasi dan mencegah perkara ini, Sullivan et al. (2015) melakukan kajian bagi menilai kesan modul *Second Step* terhadap keganasan (agresi), pemangsaan (buli) dan emosi dalam kalangan murid aliran perdana dan aliran pendidikan khas. Hasil kajian tersebut menunjukkan berlaku penurunan pemangsaan (buli) yang ketara antara murid pendidikan khas dan murid aliran perdana dalam kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan. Rasional pemilihan responden murid pendidikan khas adalah kerana Sullivan et al. (2015) menyatakan golongan ini paling terdedah menjadi mangsa buli disebabkan ketidakupayaan dari segi kognitif dan fizikal. Oleh yang demikian, modul *Second Step* ini boleh diadaptasikan untuk disesuaikan dengan budaya tempatan di Malaysia. Justeru, pembelajaran sosial dan emosional dalam sistem pendidikan di Malaysia merupakan satu keperluan yang mampu meningkatkan profesionalisme guru dan juga memberi manfaat terhadap murid-murid dalam meningkatkan kompetensi sosial dan emosi.

Kesimpulan

Berdasarkan kaedah tinjauan literatur sistematik ini telah menjelaskan beberapa perkara berkaitan keperluan pembelajaran sosial dan emosional daripada sudut pandangan guru dan penggunaan modul atau kurikulum sedia ada dalam sistem pendidikan. Antara jurang kajian yang memerlukan satu modul pembelajaran sosial dan emosional di sekolah ialah tahap pengetahuan guru yang rendah, kepentingan peningkatan akademik, kompetensi murid, perubahan tingkah laku bermasalah, masalah buli, pengurusan emosi, dan program intervensi. Dalam menghadapi cabaran pendidikan abad ke 21 ini, sistem pendidikan memerlukan suatu mekanisma yang tidak mementingkan peningkatan gred akademik semata-mata tetapi haruslah menyediakan platform peningkatan sahsiah, adab, dan tingkah laku bagi menghasilkan generasi yang seimbang dari segi emosi, jasmani, intelek, dan rohani. Justeru, modul pembelajaran sosial dan emosional merupakan pendekatan yang sesuai bagi mencapai hasrat melahirkan insan yang seimbang berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Rujukan

- Arda, T. (2012). The effects of Promoting Alternative Thinking Strategies (PATHS) Preschool Curriculum. *International Journal of Psychology*, 54(1), 61-69.
- Buchanan, R., Gueldner, B.A., Tran, Oanh K.M. & Kenneth W. 2009. Social and emotional learning in classrooms: a survey of teachers' knowledge, perceptions, and practices. *Journal of Applied School Psychology*, 25(2), 187-203.
- CASEL. (2020). CASEL'S SEL Framework: *What are the core competence areas and where are they promoted?* <https://casel.org/wp-content/uploads/2020/10/CASEL-SEL-Framework-10.2020-1.pdf>
- CASEL. (2015). *CASEL Guide: Effective Social and Emotional Learning Programs Middle and High School Edition*. Chicago, IL
- Crean, H. F., & Johnson, D. B. (2013). Promoting Alternative Thinking Strategies (PATHS) and elementary school aged children's aggression: Results from a cluster randomized trial. *American Journal of Community Psychology*, 52, 56-72.
- DeSimoni, D., Crouch, A. (2017). *The relationship between teacher knowledge of social and emotional learning and student conflict*. (Master Thesis). California State University, Sacramento.

- Dewald, S.M., Ternes, B.B., & Wald, M.R. (2019). *The impact of Second Step implementation on students' social-emotional skills in an elementary school setting*. <https://sophia.stkate.edu/maed/317/>
- EduReviews. (2020). "Mengapakah Pendidikan Holistik Penting di Malaysia?", edureviews.com/blog/my/ms/mengapakah-pendidikan-holistik-penting-di-malaysia/.
- Edwards, D., Hunt, M. H., Meyers, J., Grogg, K. R., & Jarrett, O. (2005). Acceptability and student outcomes of a violence prevention curriculum. *Journal of Primary Prevention*, 26, 401–418. doi:10.1007/s10935-005-0002-z.
- Ee, J. & Cheng, Q.L. (2016). Teachers' perceptions of students' social emotional learning and their infusion of SEL, *Journal of Teaching and Teacher Education*, 1(2), 59-72.
- Elias, M. J., Brackett, M. A., Miller, R., Jones, S., Kahn, J., Mahoney, J. L., Weissberg, R. P., & Chung, S. Y. (2019). Developing social and emotional skills and attitudes and ecological assets. In D. Osher, M. J. Mayer, R. J. Jagers, K. Kendziora, & L. Wood (Eds.), *Keeping students safe and helping them thrive: A collaborative handbook on school safety, mental health, and wellness* pp. 185-209. Santa Barbara, CA: Praeger/ABC-CLIO.
- Elias, M., Zins, J. E., Weissberg, R. P., Frey, K. S., Greenberg, M. T., Haynes, N. M., Kessler, R., Schwab-Stone, M. E., & Shriver, T. P. (1997). *Promoting social and emotional learning: guidelines for educators*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Esen-Aygun, H., & Şahin-Taşkın, Ç. (2017). Teachers' views of social-emotional skills and their perspectives on social-emotional learning programs. *Journal of Education and Practice*, 8, 205-215.
- Fishbein, D.H., Domitrovich, C., Williams, J., Gitukui, S., Guthrie, C., Shapiro, D., & Greenberg, M. (2016). Short-Term Intervention Effects of the PATHS Curriculum in Young Low-Income Children: Capitalizing on plasticity. *The Journal of Primary Prevention*, 37(6), 493–511. doi: 10.1007/s10935-016-0452-5.
- Greenberg, M. T., & Kusché, C. A. (1993). *Promoting social and emotional development in deaf children: The PATHS Project*. Seattle: University of Washington Press.
- Greenberg, M. T., Kusche, C. A., Cook, E. T., & Quamma, J. P. (1995). Promoting emotional competence in school-aged children: The effects of the PATHS curriculum. *Development and Psychopathology*, 7(01), 117. doi:10.1017/s0954579400006374.
- Grossman, D.C., Neckerman, H.J., Koepsell, T.D., Liu, P.Y., Asher, K.N., Beland, K., Frey, K.S., and Rivara, F.P. (1997). Effectiveness of a Violence Prevention Curriculum Among Children in Elementary School: A Randomized Controlled Trial. *Journal of the American Medical Association*, 277, 1605–1611.
- Husen, T. & Postlethwaite. (1985). *The International Encyclopaedia of Education*. Oxford: Pergamon Press.
- Ignat, A.A, Clipaa O, Rusua, R.P. 2011. Teachers' Training on Emotional Education. Needs Assessment, *Journal of Educational Science and Psychology*, LXIII (2)
- Kam, C.M., Greenberg, M.T., & Kusché, C.A. (2004). Sustained Effects of The PATHS Curriculum on The Social and Psychological Adjustment of Children in Special Education. *Journal of Emotional and Behavioral Disorders*, 12(2), 66–78. doi: 10.1177/10634266040120020101.
- Karisa P, Nirupa V, Donato A, Bilsbury T, Leblanc, J. (2013). Social Emotional Learning Programs for Schools: An Evidence-Based Toolkit for Educators and School Administrators. *Conference: Dalhousie University Department of Pediatrics Research Day At: Halifax, Nova Scotia, Canada* Affiliation: Department of Pediatrics, Dalhousie University & IWK Health Centre.

- Low, S., Cook, C. R., Smolkowski, K., & Buntain-Ricklefs, J. (2015). Promoting Social–Emotional Competence: An Evaluation of the Elementary Version of Second Step®. *Journal of School Psychology, 53*(6), 463-477
<https://doi.org/10.1016/j.jsp.2015.09.002>
- Machado, A. (2017). The Effect of Second Step and Inclusion on Special Education Student’s Social. Retrieved from
https://repository.library.fresnostate.edu/Bitstream/Handle/10211.3/190345/Machado_Cu_6050d_1320.Pdf?Sequence=1.
- Martinez, L. (2016). Teachers’ Voices on Social Emotional Learning: Identifying the conditions that make implementation possible: *International Journal of Emotional Education, 8*(2), 6-24.
- Moher D, Liberati A, Tetzlaff J, Altman DG, The PRISMA Group. (2009). Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses: The PRISMA Statement. *PLoS Med 6*(7): e1000097. doi:10.1371/journal.pmed1000097.
- Seyhan, B.G., Karabay, O.S., Tuncdemir, A.T.B., Greenberg, M.T., & Domitrovich, C. (2017). The Effects of Promoting Alternative Thinking Strategies Preschool Program on Teacher–Children Relationships and Children's Social Competence in Turkey. *International Journal of Psychology, 54*(1), 61-69.
- Siddaway, A. P., Wood, A. M., & Hedges, L. V. (2018). How to Do A Systematic Review: A Best Practice Guide for Conducting and Reporting Narrative Reviews, Meta-Analyses, And Meta-Syntheses. *Annual Review of Psychology, 70*(1). doi:10.1146/annurev-psych-010418-102803.
- Sullivan, T.N., Sutherland, K.S., Farrell, A.D., & Taylor, K.A. (2015). An Evaluation of Second Step. *Remedial and Special Education, 36*(5), 286-298. doi: 10.1177/0741932515575616.
- Top, N., Liew, J., Luo, W. (2016). Effects of Second Step Curriculum on Behavioral and Academic Outcomes In 5th And 8th Grade Students: *A Longitudinal Study on Character Development* Novitas-Royal (Research on Youth and Language), V10 N1 P24-47.